



KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA SASAR 15 HINGGA 30 TAN KARBON DIOKSIDA SETARA PENGURANGAN PELEPASAN GHG KETIGA (NDC 3.0) MENJELANG 2035

Malaysia sasar 15 hingga 30 juta tan karbon dioksida setara (*tonnes CO₂ equivalent*) pengurangan mutlak (*absolute reduction*) pelepasan gas rumah kaca dalam '*Nationally Determined Contributions*' ketiga (NDC 3.0) menjelang tahun 2035.

Sasaran ini merangkumi pengurangan tanpa syarat sehingga 20 juta tan karbon dioksida setara, dengan tambahan pengurangan sebanyak 10 juta tan karbon dioksida setara secara bersyarat tertakluk kepada ketersediaan pembiayaan perubahan iklim, pemindahan teknologi, serta sokongan pembangunan kapasiti daripada sumber antarabangsa.

Melalui unjuran yang dibuat, Malaysia dijangka mencapai aras pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gases* – GHG) puncak antara tahun 2029 hingga 2034.

Komitmen ini dinyatakan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Oktober 2025 yang telah bersetuju dengan sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gases* – GHG) terbaru iaitu '*Nationally Determined Contributions*' ketiga (NDC 3.0) kepada Perjanjian Paris di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC).

NDC perlu disediakan oleh setiap lima (5) tahun sekali bagi menyumbang kepada matlamat Perjanjian Paris bagi mengehadkan fenomena pemanasan global yang diakibatkan oleh pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gases* – GHG) daripada aktiviti manusia seperti pembakaran bahan api fosil dan penyahhutan.

Sebelum ini, Malaysia telah menetapkan sasaran NDC 1.0 pada 16 November 2016 dan NDC 2.0 pada 30 Julai 2021. Sasaran pengurangan mutlak yang ditetapkan di dalam NDC 3.0 adalah lebih bercita-cita tinggi dari sasaran intensiti pelepasan karbon yang ditetapkan di dalam NDC 1.0 dan NDC 2.0.

Dalam masa yang sama, sasaran NDC 3.0 juga telah menetapkan pengurangan bersyarat yang akan dilaksanakan sekiranya Malaysia menerima bantuan dan sokongan pembiayaan, pemindahan teknologi, dan pembangunan kapasiti daripada sumber antarabangsa.

Penetapan sasaran NDC 3.0 adalah selari dengan unjuran yang dibangunkan di bawah Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon Malaysia (LT-LEDS) yang menetapkan sasaran pelepasan GHG sifar bersih (net-zero) pada tahun 2050, unjuran pertumbuhan ekonomi di dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), dan dasar utama lain seperti Pelan Induk Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Penetapan sasaran NDC 3.0 juga memberi isyarat kepada komuniti antarabangsa mengenai kesediaan Malaysia untuk menjalin kerjasama untuk melaksanakan mekanisme pasaran karbon di bawah Artikel 6 Perjanjian Paris.

Pelaksanaan kerjasama antarabangsa ini membolehkan Malaysia dan negara lain melaksanakan kerjasama bagi melaksanakan projek karbon yang akan memberi manfaat pelaburan hijau, mewujudkan peluang pekerjaan, pemindahan teknologi rendah karbon, dan sokongan teknikal kepada Malaysia.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
29 OKTOBER 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

